

26 NOV 1998
PBRs-Tunda
KONGRES PBRs DITUNDA

KOTA KINABALU, 26 Nov (Bernama) -- Kongres Keempat Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) yang dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu ini di Keningau, kira-kira 170km dari sini, telah ditunda ke satu tarikh yang belum ditetapkan.

Presiden PBRs Datuk Joseph Kurup dalam kenyataannya di sini, hari ini, berkata, penundaan kongres berkenaan adalah ekoran keadaan cuaca yang tidak menentu di Sabah ketika ini.

Dr Mahathir yang akan melawat Sabah selama dua hari mulai esok pada awalnya dijadualkan berlepas dengan helikopter untuk penerbangan kira-kira sejam ke Keningau bagi perasmian kongres berkenaan tetapi dikhuatiri cuaca buruk mungkin menghalang penerbangan itu.

Kurup yang juga Timbalan Ketua Menteri turut memohon maaf kepada semua pihak yang terbabit dalam persediaan kongres berkenaan, khususnya perwakilan, penyokong serta masyarakat umum di sekitar daerah Keningau ekoran penundaan kongres berkenaan.

"Kongres PBRs itu terpaksa ditunda pada saat-saat akhir kerana masalah keadaan cuaca yang tidak menentu. Kita tidak mahu mengambil risiko dengan keadaan ini," katanya.

Menurut Kurup, satu tarikh baru untuk kongres itu akan diumumkan kelak selepas Majlis Tertinggi PBRs menetapkan tarikhnya.

Sementara itu, seorang pegawai di Bahagian Akhbar dan Perhubungan, Jabatan Penerangan Sabah ketika diminta mengesahkan aturcara lawatan Perdana Menteri itu berkata, kecuali aturcara yang membabitkan perasmian Kongres PBRs berkenaan, semua aturcara lain akan berlangsung seperti yang dijadualkan.

Sebaik tiba bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada kira-kira pukul 10.30 pagi Jumaat ini, Perdana Menteri dijadual mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota Kabinet negeri sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Negeri.

Sejurus selepas jamuan tengah hari, beliau akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan ketua-ketua agama di Sabah sebelum melancarkan majlis Perhimpunan Pemuda Barisan Nasional (BN) di Kompleks Sukan Likas dan kemudian menghadiri jamuan pemimpin bersama rakyat pada sebelah malam.

Pada Sabtu, beliau akan mengadakan pertemuan tertutup dengan Badan Perhubungan Umno Sabah di sini dan dijangka berlepas ke ibu negara pada sebelah petang.

-- BERNAMA
JS PR